



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

HIJRAH STRATEGI DAKWAH

NABAWIYYAH

Siri: 30/2021

27 Zulhijjah 1442 H

Bersamaan

06 Ogos 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwah Agama Terengganu adalah DILARANG.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ
يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah S.W.T dengan sebenar ketaqwaan, mudah-mudahan kita meraih kejayaan dunia dan akhirat.

Sidang jumaat yang dikasihi,

Sempena kedatangan tahun baru hijrah 1443, di bulan al Muharram yang penuh berkat ini, khatib ingin mengupas satu khutbah bertajuk :

“Hijrah strategi dakwah nabawiyyah”.

Hijrah menjadi persimpangan penting dalam perjalanan dakwah dan harakah pimpinan Rasulullah s.a.w. Hijrah menjadi titik perpisahan antara peringkat lemah dan kuat, zaman kehinaan dan kemuliaan, di antara situasi Islam diperintah dan direndahkan dengan situasi Islam memerintah dan bermaruah.

Menghayati sejarah hijrah mampu mengangkat kembali martabat Islam dan umatnya, menyemarakkan roh nadi setiap muslim untuk terus segar berdenyut bagi melihat kemenangan dan kekuasaan agama Allah di bumiNya. Inilah nilai manifestasi hijrah yang seharusnya tercetus setiap kali berulangnya sambutan kedatangan tahun baru hijrah dan setiap kali dibuka dairi taqwim hijri sepanjang tahun.

Kaum Muslimin yang diberkati.

Hijrah Nabawiyyah didokong padu oleh muhajirin dan ansar. Muhajirin sanggup meninggalkan tanah kelahiran, harta benda dan keluarga semata-mata untuk mencari redha Allah s.w.t.

Allah s.w.t memuji kaum muhajirin dalam Surah al Hasyr ayat 8 :

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ

اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya : Kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaanNya, serta menolong (agama) Allah dan RasulNya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya).

Sementara Ansar pula menyambut baik kedatangan Nabi s.a.w dan para muhajirin dengan penuh kemurahan hati dan mengorbankan segala harta serta sanggup berkongsi kehidupan bersama muhajirin. Allah s.w.t memperkenalkan siapakah Ansar dalam surah al-Hasyr, ayat 9:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي

صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: " Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya "

Kaum muslimin hafizakumullah.

Tiada manusia yang paling layak mendapat pertolongan Allah lebih dari Rasulullah s.a.w. Namum, kelayakan ini tidaklah dijadikan alasan untuk mengabaikan wasilah untuk mencapai kejayaan. Ini dapat dilihat dari ketelitian dan kehalusan perancangan strategi yang diatur Nabi s.a.w untuk berhijrah. Nabi s.a.w memberi tanggapan terburuk bagi risiko yang bakal dihadapinya dan tidak meninggalkan sebarang pertimbangan untuk ruang kegagalan.

Analoginya, seperti kapal yang telah dibina dengan seteguh mungkin, dan dipandu pula dengan nahkoda yang berkemahiran. Akhirnya datanglah arus yang memudahkan perjalanannya dan angin kuat yang memandu arahnya melajukan

perjalanan sehingga boleh sampai ke destinasi dengan selamat dan dalam tempoh sesingkatnya.

Hijrah Rasulullah s.a.w ini berlangsung menurut acuan ini. Ia dapat dilihat bagaimana baginda s.a.w cukup berahsia dan hanya memberi maklumat kepada mereka yang perlu dan boleh bertindak mengikut keperluan perancangan Rasulullah s.a.w yang teliti ini pula dibantu oleh daya usaha Abu Bakar r.a dengan bantuan keluarganya dan orang-orang bawahannya.

Inilah nilai perhambaan ketika merancang dan berusaha sebelum bertawakkal dan berserah kepada Allah s.w.t. Persiapan yang semampu dan selengkapnya mesti disusun atur sebelum tiba pertolongan langit yang menatijahkan manisnya sebuah kejayaan.

Sidang Jumaat yang dirahmati.

Hijrah memartabatkan peranan institusi masjid. Nabi s.a.w membina Masjid Quba' setibanya di sana. Allah merakamkan langkah mulia itu dalam firmanNya dalam Surah al Taubah, ayat 108:

لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ ۚ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ

يَنْظُرُوا إِلَى اللَّهِ يُحِبُّوا الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

Yang Bermaksud : “ Sesungguhnya masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Begitu juga Rasulullah s.a.w sekali lagi menjadikan pembinaan Masjid Nabawi sebagai langkah pertama di destinasi akhir hijrah setiba di perkampungan Bani Najjar. Ini kerana masjid pada zaman Rasulullah s.a.w berperanan utama sebagai tempat ibadat, pusat komuniti, pejabat pentadbiran, mahkamah keadilan dan madrasah tarbiah yang melahirkan ulama' dan pendakwah.

Sidang Jumaat yang dimulakan.

Pengajaran khutbah minggu ini ialah:

- 1- Dakwah perlu dinaungi oleh organisasi yang kuat lagi tersusun, yang mempunyai pemimpin, pendokong dan perancangan yang baik.
- 2- Dakwah memerlukan kuasa politik atau daulah yang kuat dan mampu menaungi kerja-kerja dakwah sepertimana yang berlaku setelah tertegaknya negara madinah.
- 3- Dakwah memerlukan perpaduan yang utuh dalam kalangan umat Islam seperti yang dilakukan oleh Nabi s.a.w dengan mempersaudarakan kaum muhajirin dan ansar.
- 4- Masjid menjadi pusat utama dan terpenting dalam dakwah, sepertimana yang dimainkan oleh Masjid Nabawi dalam mentarbiah, mendidik dan dalam menguatkan ikatan persaudaraan umat Islam.

Untuk itu, demi menyemarakkan usaha memartabatkan Islam, mimbar menyeru seluruh umat Islam untuk mengambil iktibar dari strategi dakwah Rasulullah s.a.w dalam peristiwa hijrah ini, dengan berusaha memastikan negara kita dipimpin dan didominasi oleh kepimpinan Islam, menguatkan perpaduan dan persaudaraan Islam, di samping menjauhi faktor yang membawa kepada perpecahan, serta memperkasakan fungsi masjid sebagai pusat ibadah, keilmuan, perpaduan dan pusat sokongan masyarakat setempat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ وَيَمْكُرُونَ

وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينِ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: "Dan ingatlah (wahai Muhammad), ketika orang-orang kafir musyrik (Mekah) menjalankan tipu daya terhadapmu untuk menahanmu, atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya."

(al-Anfal: 30)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

“Ya Allah turunkanlah hukumanMu atas kaum Yahudi yang melakukan kezaliman dengan membunuh saudara- saudara kami kaum muslimin di Palestin, Ya Allah hukumlah mereka sesungguhnya mereka tak mampu melemahkanMu,”

“Ya Allah selamatkan lah saudara-saudara kaum muslimin yang lemah di Palestin, teguhkan iman mereka dan bantulah mereka, Ya Allah sayangi dan kasihilah mereka dan keluarkanlah mereka dari penindasan musuh- musuh mereka,”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.